

02 AUG 2003

Syed Hamid-Timbang tara

M'SIA LANTIK PEGUAM UNTUK PROSES TIMBANG TARA ISU AIR

KOTA TINGGI, 2 Ogos (Bernama) -- Malaysia mahu proses timbang tara bagi mendapatkan penyelesaian isu harga air mentah yang dijual kepada Singapura dilaksanakan dengan segera supaya masalah itu tidak tergantung dan terus merugikan negara.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata semua proses untuk membawa kes itu ke timbang tara akan dilakukan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

"Jadi kita telahpun melantik peguam kita untuk menjalankan tugas bagi membentangkan kes ini dan kita kena ikut satu per satu mengikut proses-proses yang ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kem kesihatan di Sedili dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa pintu rundingan bagi penetapan harga air itu sudah tertutup dan isu itu perlu diselesaikan melalui proses timbang tara.

Syed Hamid berkata proses timbang tara bagi menyelesaikan pertikaian harga air itu diperuntukkan dalam perjanjian air 1961 dan 1962.

Menurutnya proses timbang tara itu akan dilakukan mengikut Akta Timbang Tara Johor yang adalah juga undang-undang Persekutuan.

Syed Hamid berkata tempoh proses timbang tara itu bergantung kepada sama ada ia dibawa ke peringkat antarabangsa atau di peringkat negara.

"Kerana undang-undang yang digunapakai adalah undang-undang kita, mungkin ianya akan diselenggarakan prosidingnya di Malaysia," katanya, yang menambah bahawa ada proses dan prosedur yang perlu dipatuhi.

Mengenai kesan penambakan laut yang dijalankan oleh Singapura di sempadan perairannya yang menjejaskan Malaysia, Syed Hamid berkata Malaysia akan mengambil tindakan menerusi proses undang-undang jika penyelesaian tidak dapat dicapai melalui perundingan.

Katanya, Kuala Lumpur telahpun mengemukakan dokumen dan bukti yang menunjukkan bahawa kerja penambakan laut oleh republik itu telah mendatangkan mudarat kepada Malaysia.

"Dulu bila kita bercakap kesan tambakan dia (Singapura) minta kita bagi bukti dan kita dah pun bagi bukti... dia (Singapura) dah respons dia nak adakan perbincangan dan berpuas hati dengan penyerahan kita," katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia sedia berbincang tetapi jika perbincangan itu juga tidak menghasilkan sesuatu yang bermanfaat untuk menjaga kepentingan negara, maka Malaysia juga akan mengambil tindakan yang perlu.

Difahamkan bahawa antara hasil kajian yang dijalankan pelbagai agensi kerajaan, mendapati kesan yang berlaku adalah dari aspek hidrologi, kesan terhadap alam sekitar dan juga perikanan.

-- BERNAMA

MNY MNY DC MOZ